


AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : NASIONAL



## Pesakit peroleh ubat di fasiliti kerajaan diminta tidak membazir

**Kuala Lumpur:** Pesakit yang mendapatkan bekalan ubat secara percuma di fasiliti kerajaan perlu menggunakanannya dengan baik tanpa pembaziran kerana pembeliannya dilakukan hasil kutipan cukai rakyat.

Susulan itu, pesakit perlu mempunyai tahap kecelikan tinggi berkaitan penggunaan dan penyakit dihadapi bagi mengelak kerugian apabila ubat diperoleh tidak digunakan langsung.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang, berkata masyarakat perlu sedar bajet diperuntukkan untuk pemberian subsidi ubat di fasiliti kerajaan adalah tinggi.

Katanya, apabila pesakit mempunyai pemahaman berkenaan, secara tidak langsung ia memberi kesan kepada tatacara

pengambilan dan penggunaan ubat seperti disarankan doktor dan ahli farmasi.

"Pada masa sama, pesakit yang juga masyarakat awam perlu tahu ubat diterima adalah subsidi daripada kutipan cukai, justeru ia perlu dimanfaatkan sebaiknya kerana mereka menerima secara percuma.

"Ahli farmasi pernah melakukan kunjungan dan mendapat pesakit gagal memanfaatkan pengambilan ubat-ubatan berkenaan dan inilah antara satu bentuk pembaziran," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Kelmarin, *BH* melaporkan subsidi ubat-ubatan kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) dikekalkan bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan peningkatan kos.



Amrahi Buang

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : LOKAL

## ***KKM laksana Operasi Ramadan 2024 serentak seluruh negara***

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan Operasi Ramadan 2024 serentak di seluruh negara di semua premis makanan termasuk bazaar Ramadan dalam memastikan keselamatan makanan yang dijual sentiasa terjamin.

KKM dalam kenyataan semalam memaklumkan aktiviti operasi itu melibatkan pemeriksaan premis

serta pensampelan makanan bagi memastikan makanan yang disediakan atau dijual itu selamat, mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Aktiviti pemeriksaan yang dijalankan di sepanjang rantaian makanan meliputi peringkat sumber bahan mentah dan tempat

penyediaan makanan bagi peniaga yang telah dilesenkan oleh PBT telah bermula sebelum Ramadan lagi.

"Ini diteruskan lagi dengan aktiviti pemeriksaan di premis tumpuan seperti hotel yang menyediakan bufet Ramadan, premis pembekal bahan mentah dan juga premis penyediaan ais," katanya.

Menurut KKM, kerjasama dengan PBT juga dikukuh-

kan lagi dengan pengurusan taklimat keselamatan makanan kepada pengendali bazar Ramadan, memastikan pengendali mendapat suntikan pelarian anti-tifoid dan menjalani latihan pengendali makanan. "Kempen kesedaran berkaitan keselamatan makanan kepada orang ramai, pengendali dan pengusaha premis bahan mentah, penyediaan makanan, pem-

bekal makanan turut giat dijalankan melalui bahan pendidikan kesihatan, media massa, media elektronik dan media sosial.

"Orang ramai dinasihatkan mengutamakan keselamatan makanan boleh menghubungi pejabat kesihatan daerah, Jabatan Kesihatan negeri terdekat atau layari laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> serta facebook Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq).

mengelakkan keracunan makanan," katanya.

Pengguna yang mempunyai kemasukan berhubung isu keselamatan makanan boleh menghubungi pejabat kesihatan daerah, Jabatan Kesihatan negeri terdekat atau layari laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> serta facebook Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq).

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NEGARA

## Operasi Ramadan 2024 pastikan makanan dijual selamat – KKM

**PUTRAJAYA** — Kementerian Kesihatan (KKM) meneruskan Operasi Ramadan 2024 secara serentak di seluruh negara melibatkan semua premis makanan termasuk bazar Ramadan dalam memastikan makanan dijual selamat.

KKM dalam kenyataan berkata, operasi itu melibatkan pemeriksaan premis serta pensampelan makanan bagi

memastikan makanan disediakan atau dijual selamat selain mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan dibawahnya.

Katanya, pemeriksaan juga akan dijalankan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan masing-masing.

"Selain itu, kempen-kempen kesedaran berkaitan keselama-

tan makanan kepada orang ramai, pengendali dan pengusaha premis bahan mentah, premis penyediaan makanan, premis pembekal makanan turut giat dijalankan.

"Orang ramai juga dinasihatkan untuk mengutamakan keselamatan makanan sepanjang Ramadan dalam memilih apa sahaja juadah berbuka.

"Sebelum membeli 'Perhati

dan Pilih' serta amalkan 'Lihat Hidu Rasa' kerana ia langkah paling mudah untuk mengelakkan keracunan makanan," katanya di sini semalam.

Jelas KKM lagi, peniaga turut dinauhatkan supaya memberi sifikan terlebih dahulu bahan mentah sebelum digunakan dalam penyediaan makanan selain tidak menyediakan makanan berisiko tinggi terlalu awal dari

waktu dijual.

"KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna.

"Melalui pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, KKM memberi jaminan bahawa tahap keselamatan dan kualiti makanan sepanjang Ramadan adalah terkawal," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 19  
RUANGAN : NASIONAL

## Sebar kepentingan jadi penderma organ di sekolah

**SHAH ALAM** - Kerajaan perlu memperluaskan kempen menderma organ sehingga ke peringkat sekolah rendah bagi memupuk kesedaran dan kepentingan menjadi penderma pada masa hadapan.

Pakar Perunding Nefrologi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Nor Fadhlina Zakaria berkata, sebagai contoh ia boleh dijadikan salah satu topik pembelajaran dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

"Selain itu, kempen besar-besaran melibatkan semua jenis media sosial mahupun fizikal adalah strategi efektif bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan pendermaan organ.

"Dalam pada itu, dengan asas kerajaan yang kukuh dan bersepadan, kempen kesedaran pendermaan organ boleh menjadi lebih berkesan dan mampan dalam membina pemahaman dan sokongan orang ramai terhadap proses tersebut," katanya pada Selasa.

Pada Isnin, *Sinar Harian* melaporkan lebih ramai individu diperlukan sebagai penderma organ terutamanya bagi membantu pesakit yang memerlukan pemindahan segera.

Pengerusi Institut Jantung Negara (IJN), Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lebih 300,000 orang yang telah berikrar untuk menderma organ seperti jantung, hati, paru-paru dan sebagainya, namun 0.02 peratus sahaja berakhir dengan pendermaan tersebut.

Menurutnya, di IJN sahaja, terdapat

22 pesakit sedang menunggu penderma yang sesuai untuk melaksanakan pemindahan yang melibatkan jantung.

Mengulas lanjut mengeninya, Nor Fadhlina berkata, kurang pengetahuan menjadi faktor ramai dalam kalangan rakyat di negara ini tidak berikrar untuk menderma organ.

"Mereka mungkin tidak memahami sepenuhnya proses dan faedah pendermaan organ. Kekurangan pemahaman tentang cara proses pendermaan, organ berfungsi dan bagaimana ia boleh menyelamatkan atau meningkatkan kualiti hidup orang lain boleh menghalang seseorang daripada mendaftar sebagai penderma.

"Selain itu, sikap dan persepsi masyarakat mengenai pendermaan organ selepas meninggal dunia juga menjadi punca. Contohnya individu itu sudah berikrar sebagai penderma tetapi keluarga tidak memberarkan proses dilakukan (pendermaan organ selepas meninggal dunia) apabila pihak hospital memohon kebenaran waris," katanya.

Jelas beliau, sesetengah agama atau budaya mungkin mempunyai pandangan yang berbeza tentang pendermaan organ yang mungkin mempengaruhi keputusan seseorang individu untuk mendaftar sebagai penderma.

Katanya lagi, kemungkinan juga ada individu yang menyedari mereka mempunyai peluang untuk menjadi penderma organ namun tidak tahu cara mendaftar dan proses selanjutnya untuk berbuat demikian.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : LETTERS

**PROGRESSIVE APPROACH**

## Take a leaf from Japan on anti-smoking measures

THE recent announcement by the Health Ministry that it is considering introducing designated smoking areas for eateries in tight locations is commendable and should be put into immediate action.

Allocating spaces for smokers should not be limited to eateries, they should also be available in public areas to shield people from the harmful effects of secondhand smoke.

Creating smoking zones prevents young people from being exposed to smoking, potentially curbing the chances of them picking up the habit.

Learning from Japan's successful model, which strictly bans smoking in schools, hospitals and government buildings, Malaysia can adopt similar measures to strengthen adherence to smoking regulations.

In Japan, people under age 20 are prohibited from designated smoking areas. A fine up to 300,000 yen

(RM9,437) is imposed on people who smoke outside the designated area. In April 2020, Japan banned indoor smoking, including at hotels, restaurants and offices.

During a recent trip to Tokyo, I noticed that although smoking is prohibited in restaurants, some of them have smoking rooms. People are not allowed to eat and drink there.

There are also smoking rooms exclusively for heated tobacco users, such as Ploom, IQOS and Glo, where patrons can comfortably sit and dine. Access to these areas is restricted to adults and individuals using tobacco products other than heated tobacco are not allowed to enter.

Heated tobacco products have gained popularity in Japan due to their perceived advantages, including minimal secondhand smoke and reduced impact on the health of those near smokers.

To buy tobacco, Japan requires

you to have a "tobacco passport" (or "taspo") to verify that you are of legal smoking age. This is an effective method to regulate access to cigarettes, whether sold through vending machines or at convenience stores.

Taspo is only available to those aged 20 and above, thus preventing underage smoking.

The Health Ministry should consider emulating these strategies to combat smoking and vaping and safeguard the public's wellbeing.

Introducing designated smoking areas in Malaysia would be a progressive approach to smoking and vaping regulation.

By learning from successful international models, Malaysia can strengthen efforts for a smoke-free environment and protect the health of citizens.

**MUHAMMAD AQIL LOKMAN**  
Setiawangsa, Selangor

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATIONAL

## Institute committed to heart failure treatment

**KUALA LUMPUR:** The National Heart Institute has reaffirmed its commitment to advancing treatment for heart failure and raising awareness on organ donation following the successful completion of two heart transplants early this year.

It said in a statement the two patients, who are in their late teens, received their heart transplants in January and are recovering well.

"Both were diagnosed with non-ischaemic dilated cardiomyopathy, a heart muscle disease which stretches and thins the heart chambers. This makes it harder for the heart to pump blood to the rest of the body and can sometimes lead to heart failure."

The first patient, a 19-year-old, received a new heart in January after enduring an eight-month wait since May 2023.

The second patient, an 18-year-old, underwent left ventricular assist device (LVAD) implantation, paving the way for a potential transplant in February.

To date, the institute has successfully performed 29 heart transplants, six lung transplants, six heart-lung transplants, 36 LVAD implantations and seven LVAD to heart transplant procedures.  
- Bernama